

**NO. SOALAN : 215**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN V. SIVAKUMAR [ BATU GAJAH ]**

**RUJUKAN : 9439**

**SOALAN:**

Tuan V. Sivakumar [ Batu Gajah ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kematian di depot-depot tahanan Imigresen Malaysia bagi tahun 2013, 2014, 2015, dan sehingga September 2016. Apakah punca-punca kematian dan langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan kebajikan dan keselamatan orang-orang yang ditahan terjamin.

**JAWAPAN:**

**Jumlah kematian di depot-depot tahanan Imigresen seluruh Malaysia bagi tahun 2014 hingga September 2016 ialah seramai 137 orang tahanan.**

**Antara punca yang menyebabkan berlakunya kes kematian di kalangan tahanan ialah penyakit-penyakit kritikal dan berjangkit seperti *Tuberculosis* (TIBI), *Human Immunodeficiency Virus* (HIV), jangkitan paru-paru, masalah jantung, denggi, kencing manis, sesak nafas, kegagalan fungsi organ dan sebagainya.**

**Bagi memastikan kebijakan dan keselamatan orang-orang yang ditahan terjamin, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Kementerian telah mengambil langkah-langkah berikut:**

- a) **seramai 13 Pembantu Perubatan ditempatkan di depot-depot tahanan JIM dalam memastikan setiap masalah kesihatan tahanan dapat dipantau. Bagi penyakit-penyakit kritikal, tahanan dirujuk ke Klinik Kesihatan Kerajaan;**
- b) **kerjasama dengan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan *International Committee of the Red Cross* (ICRC) dalam menyalurkan bantuan kemanusiaan dari segi peralatan perubatan dan ubat-ubatan;**